

## HUKUM DAGING KORBAN NAZAR

Ibadah korban merupakan antara amalan utama yang disyariatkan dalam Islam, khususnya pada Hari Raya Aidiladha dan hari-hari Tasyrik. Dalam mazhab Imam as-Syafi'i, hukum asal bagi ibadah ini adalah sunat muakkad (sangat dituntut) bagi umat Islam yang berkemampuan dan dinamakan sebagai Ibadah Korban Sunat. Bagi ibadah korban sunat, daging korban boleh diagihkan atau disedekahkan kepada fakir dan miskin, dimakan dan dimanfaatkan oleh orang yang berkorban serta boleh dihadiahkan kepada orang yang kaya.

Namun, dalam situasi tertentu, hukum korban sunat ini boleh berubah menjadi korban yang wajib seperti apabila seseorang bernazar untuk melakukan korban. Oleh kerana ibadah korban nazar adalah wajib, maka hukum yang berkaitan dengannya adalah berbeza dengan ibadah korban yang sunat. Dalam pengagihan daging korban nazar, ia hanya boleh disedekahkan kepada golongan fakir dan miskin sahaja. Selain itu, daging korban nazar ini juga tidak boleh dihadiahkan kepada orang yang kaya. Malah, ia juga tidak boleh dimakan oleh orang yang melakukan korban termasuk ahli keluarga yang berada di bawah tanggungannya. Oleh itu, semua bahagian haiwan korban nazar seperti daging, tulang, kulit, lidah dan kepala, wajib disedekahkan kesemuanya kepada fakir dan miskin.

Sekiranya orang yang bernazar termakan daging korban nazar tersebut, maka wajib baginya mengganti semula daging tersebut sama ada dengan daging yang lain atau membayar dengan nilai harga daging yang dimakan untuk disedekahkan kepada golongan fakir dan miskin.

Hukum ini juga turut disepakati oleh majoriti ulama termasuk ulama dalam kalangan mazhab Maliki dan Hanbali. Mereka berpandangan bahawa seluruh hasil korban wajib merupakan hak mutlak orang fakir miskin dan pemilik korban

tidak boleh mengambil apa-apa manfaat daripadanya. Allah Subhanahu wa ta'ala berfirman:

ثُمَّ لَيُقْضِيُوا تَفَتَّهُمْ وَلَيُوْفِرُوا نُذُورَهُمْ وَلَيُطَوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ

Maksudnya: "Kemudian hendaklah mereka menghilangkan kotoran yang ada pada badan mereka dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka. Dan hendaklah mereka melakukan tawaf di rumah yang tua (sejarahnya) itu (Baitullah)".

(Surah al-Hajj 22: 29)

Ini menunjukkan bahawa apabila seseorang telah bernazar, maka wajib baginya untuk menyempurnakannya. Hal ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ نَذَرَ أَنْ يُطِيعَ اللَّهَ فَلْيُطِعْهُ، وَمَنْ نَذَرَ أَنْ يَعْصِيهِ فَلَا يَعْصِيهِ

Maksudnya: Sesiapa yang bernazar untuk mentaati Allah maka hendaklah dia melaksanakan ketaatan itu, dan barangsiapa yang bernazar untuk melakukan maksiat maka janganlah dia melakukan maksiat itu.

(Hadith Riwayat al-Bukhari, no.6696)

Ibadah korban termasuk dalam bentuk ketaatan kepada Allah Subhanahu wa ta'ala, maka ia menjadi wajib apabila dinazarkan.

**JABATAN MUFTI SARAWAK**

Kesimpulannya, ibadah korban nazar akan membawa kepada tanggungjawab yang lebih besar berbanding korban sunat. Oleh itu, umat Islam yang berniat untuk bernazar hendaklah memahami implikasi hukum yang timbul daripadanya.